

DALAM MAHKAMAH TINGGI MALAYA DI KUALA LUMPUR

(BAHAGIAN SIVIL)

GUAMAN NO: S-22-1010-2007

ANTARA

1. SYMPHONY LIGHT & SOUND SERVICES SDN BHD ... PLAINTIF ERTAMA
2. CARLSON WHITE (M) SDN BHD (No. Syarikat: 323216-V) ... PLAINTIF KEDUA

DAN

1. IRWAN SHAH BIN ABDULLAH @ D.J. DAVE (No. K/P: 480214-10-5031) ... DEFENDAN PERTAMA
2. SHAZDARWEEN DAVE BIN IRWAN SHAH (No. K/P: 820622-10-5119) ... DEFENDAN KEDUA
3. SHAHDAVE HOLDINGS SDN BHD (No. Syarikat: 0295323-D) ... DEFENDAN KETIGA

ALASAN PENGHAKIMAN

SITI KHADIJAH BINTI S. HASSAN BADJENID PK

Tuntutan Plaintiff-Plaintif adalah bahawa Defendan -Defendan telah secara penipuan dan fraud mengambil hak cipta mereka iaitu cadangan-cadangan bertajuk 'Malaysia 's 50 Years an illuminating Journey' dan menyerahnya secara rahsia kepada Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan (akan dirujuk sebagai pihak kementerian) untuk satu pertunjukan besar audio visual luar yang melibatkan 'large format lightings, projections and special effects' untuk Sambutan Ulangtahun Kemerdekaan ke 50 pada tahun 2007.

Plaintif menuntut satu deklarası bahawa:

1. Defendan Pertama (1) pada semua masa material adalah 'alta ego' Defendan Ketiga(3) dan/ atau mempunyai kawalan ke atas Defendan 3;
2. Plaintiff-Plaintif adalah tuan punya bersama harta intelektual di dalam program yang menjadi dasar Sambutan Ulangtahun Kemerdekaan ke – 50 Malaysia yang dilaksanakan oleh Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan, Malaysia melalui Defendan 3;
3. Defendan 1 dan/ atau Defendan 3 mempunyai tanggung jawab fidusiari kepada Plaintiff-Plaintif berkaitan dengan Program tersebut dan semua usaha ikhtiar berkenaan dengannya dan telah melanggarnya;
4. Defendan 3 dan/ atau Defendan 1 secara salah dan /atau tanpa kebenaran Plaintiff-Plaintif telah mengguna program tersebut atau sebahgiannya daripadanya untuk faedah mereka sendiri;
5. Defendan-Defendan telah secara salah telah berpakat jahat melakukan fraud terhadap Plaintiff-Plaintif;

Plaintif-Plaintif memohon

6. Satu injunksi untuk menghalang Defendan-Defendan daripada mengguna secara langsung atau tidak langsung program tersebut atau sebahgiaannya;
7. Satu perintah bahawa Defendan-Defendan menghantar serah kepada Plaintiff-Plaintif semua barang-barang ' berkenaan dan berkaitan' dengan program tersebut;

8. Satu perintah bahawa Defendan-Defendan membekalkan satu akaun semua jumlah yang diterima oleh mereka daripada penggunaan secara salah program berkenaan dan supaya Defendan-Defendan membayar jumlah yang diakaun kepada Plaintiff-Plaintif; dan
9. Satu deklarası bahawa Defendan-Defendan memegang semua jumlah yang diterima oleh mereka daripada penggunaan secara salah program tersebut sebagai pemegang amanah berbangkit atau secara konstruktif untuk Plaintiff-Plaintif.

FAKTA

Plaintif-Plaintif terlibat dalam pengurusan persembahan istimewa (special events management). Di dalam perjalanan pekerjaannya Plaintiff-Plaintif telah memperolehi pengetahuan dan pengalaman yang luas dalam 'large format lightings, projections dan special effects' bagi tujuan persembahan pertunjukan- pertunjukan besar audio visual luar (outdoor). Plaintiff-Plaintif telah lama memendam hasrat, sejak zaman kegemilangan Tun Dr. Mahadhir lagi, untuk ketengahkan secara besar- besaran di peringkat Negara satu pertunjukan audio visual yang yang dijangka hebat serta menakjubkan melibatkan 'large format lightings, projections and special effects' untuk Sambutan Ulangtahun Kemerdekaa ke -50. Namun demikian tidak kesampaian kerana tidak mempunyai saluran untuk ketengahkan serta merealisasikan cita-cita tersebut.

Dalam satu pertemuan secara kebetulan di Kelab Petaling Jaya dengan Defendan 1 iaitu Irwan Shah bin Abdullah/DJ Dave, telah memberi harapan serta peluang kepada Plaintiff-Plaintif untuk ketengahkan hasrat tersebut. Ini adalah memandangkan status Defendan 1 sebagai penyanyi yang terkenal dan setelah sekian lama membuat persembahan mempunyai pengaruh serta ramai kenalan hingga ke peringkat tinggi anggota-anggota Kerajaan. Di samping itu saksi Plaintiff (PW1) iaitu Michael Gomez dan Defendan 1 merupakan kenalan lama. Dari situ ujudlah satu perancangan antara PW1

dan Defendan 1 yang mana atas usahasama bagi perancangan tersebut plaintif mengatakan telah ujud satu 'venture agreement' dan bahawa ini dapat dilihat dari perbincangan, hal keadaan dan dokumen-dokumen. Perkara ini dinafikan oleh Defendan 1 yang mengatakan walaupun beliau mahu bekerjasama dengan Plaintiff Plaintiff beliau tidak mengikat diri dalam satu 'joint venture'.

Mulai dari situ Defendan 1 juga telah berusaha dan menggunakan hubungannya dengan pihak-pihak yang terlibat yang mempunyai pengaruh khususnya pihak menteri dan kementerian dan bersama-sama dengan Plaintiff Plaintiff telah berusaha untuk ketengahkan perancangan tersebut. Kedua-dua pihak telah pergi ke kementrian pada 24.1.07 dan 29.1.07. Mengikut Plaintiff Plaintiff idea dikemukakan dalam bentuk cadangan/proposal yang merupakan hak cipta bersama Plaintiff dan Defendan untuk diketengahkan melalui Defendan 3 iaitu Shahdave Holdings Sdn. Bhd. Mengikut Defendan dalam pertemuan tersebut idea telah dipamerkan dalam satu risalah besar berwarna hitam iaitu P8 dan melalui tayangan di komputer riba.

Dalam pada itu berikutan beberapa kejadian telah timbul perasaan tidak puas hati antara Plaintiff Plaintiff dan Defendan 1. Plaintiff Plaintiff tidak puas hati kerana mengikut mereka pada saat-saat yang diperlukan Defendan 1 berada dalam perjalanan (travelling). Sehubungan dengan itu mengikut Plaintiff Plaintiff atas nasihat oleh Defendan 1 sendiri PW1 telah menghubungi pihak kementrian dan tanya tentang kedudukan rancangan/proposal tersebut yang selepas itu mereka telah di arah oleh kementerian kesana kemari mengenai urusan yang sama. Defendan 1 pula tidak puas hati apabila PW1 pergi berurusan dengan pihak kementerian kerana dikatakan telah membelakanginya.

Selain dari itu mengikut Defendan 1 beliau menghadapi kesukaran menghadapi dan apabila berdepan dengan pihak kementerian kerana Plaintiff

Plaintif tidak habis habis meminda dan meminda dan menokok tambah itu dan ini pada cadangan projek yang hendak dikemukakan kepada pihak kementerian. Ini mengakibatkan sebut harga untuk projek dalam perancangan semakin meningkat dan melambung tinggi membuatkan beliau berasa malu apabila ditegur oleh pihak kementerian seolah-olah beliau ingin merompak wang kerajaan dengan meletakkan harga yang begitu tinggi untuk projek tersebut. Sehubungan dengan itu menurut Defendan 1 beliau berjanji untuk 'scale down' harganya dan telah membuat panggilan demi panggilan kepada Plaintiff Plaintiff tetapi kerja masih juga belum selesai. Menurut Plaintiff Plaintiff mereka telah pernah dimaklumkan bahawa pihak kementerian telah menolak cadangan mereka atas alasan harga terlalu tinggi.

Menurut Defendan 1 apabila beliau terima panggilan daripada kementerian mengatakan menteri ingin membuat keputusan dan menegur Defendan kerana masih belum dapat siapkan satu cadangan yang konkrit, Defendan 1 telah terus menghubungi sahabatnya Inba (iaitu DW1 seorang Pengarah Urusan Stone Ads Sdn. Bhd. yang terlibat dalam bidang kreatif dan pengurusan events). Sehubungan dengan itu Defendan 1 mengatakan beliau bersama Inba telah terus dalam jangka masa dua tiga hari siang dan malam berusaha di samping mencari dalam internet dan pergi ke Arkib Negara untuk mendapatkan maklumat untuk sediakan satu cadangan yang telah dapat disiapkan untuk dikemukakan kepada menteri mengenai hologram dan pencahayaan bertajuk 'Celebrating 50 years of Merdeka' untuk pertunjukan menyambut merdeka yang diprogramkan selama 2 jam .

Mengikut Plaintiff Plaintiff Defendan telah menipu dengan menggunakan team tenaga kerja mereka, mencuri idea serta mengambil harta intelek mereka bertajuk 'Malaysia's 50 Years an Illuminating Journey'.

DAPATAN MAHKAMAH

Dari keterangan yang dikemukakan dan hal keadaan kes mahkamah mendapati memang ada, secara lisan, perbincangan dan perancangan usahasama bagi projek yang tersebut antara Plaintiff dan Defendan. Walaubagaimanapun perhubungan ini tidak berpanjangan memandangkan selepas itu terdapat perselisihan faham diantara kedua-dua pihak dan perhubungan itu tidak berpanjangan.

Plaintif mengemukakan cadangan/proposal mereka melalui P8 untuk membuktikan harta intelek seperti yang dikatakan dalam tuntutan ini. Defendan mempertikaikannya memandangkan tidak ada saksi dipanggil dari Kementerian untuk membuktikan apa yang dikatakan oleh Plaintiff Plaintiff mengenai pengemukaan P8 kepada pihak Kementerian. Berdasarkan keterangan yang dikemukakan dan hal keadaan kes mahkamah menerima keterangan Plaintiff bahawa P8 telah dikemukakan kepada pihak Kementerian untuk dipertimbangkan. Untuk mendapat perlindungan di bawah Akta Hakcipta 1987 subjeknya hanyalah yang tergolong dibawah salah satu perkara bawah s. 7(1) akta tersebut iaitu "literary works; musical works; artistic works; films; sound recordings & broadcasts". Pada pandangan mahkamah P8 jatuh di bawah 'literary works'.

Merujuk kepada tuntutan hakcipta Plaintiff Plaintiff bagi konsep 'large format lightings, projections dan special effects' bagi tujuan persembahan pertunjukan-pertunjukan besar audio visual luar (outdoor) jika dikatakannya sebagai artistic works, dalam Goodyear Tire & Rubber Company & Anor. v. Silverstone Tire and Rubber Co. Sdn. Bhd. [1994] 1 CLJ ms 509 diputuskan di 'held 1', "Copyright laws are not concerned with reproduction of ideas however original they are but are merely concerned with the reproduction of the forms in which the ideas were expressed" maka konsep tersebut dalam bentuk persembahan tidak dapat dipertimbangkan sebagai hakcipta.

Plaintif gagal untuk mengemukakan keterangan untuk menunjukkan konsep yang terkandung dalam P8 iaitu konsep pertunjukan audio visual yang melibatkan 'large format lightings, projections and special effects' pada bangunan dan persekitarannya' adalah ciptaannya dan bahawa ianya 'original'. Keterangan menunjukkan sebelum itu ianya telah dipersembahkan di luar Negara hasil ciptaan pihak atau individu lain. Keterangan Plaintif Plaintif menunjukkan bahawa mereka membawa balik ataupun merupakan sekadar pihak awal membuat persembahan sedemikian di Negara ini.

Mengikut keterangan Plaintif Plaintif mereka langsung tidak melihat hasil persembahan Defendan yang menjadi isu dalam tuntutan ini. Dengan itu Plaintif Plaintif gagal membuktikan konsep yang dimajukan di P8 adalah sama secara substantialnya dengan konsep dalam cadangan/proposal Defendan yang dihasilkan melalui persembahannya selama 2 jam itu. Daripada keterangan yang dikemukakan dan seperti yang telah disebut tadi P8 juga adalah berbeza dari rancangan atau proposal yang dikemukakan oleh Defendan. Tanpa pembuktian ini adalah mustahil untuk Plaintif membuktikan 'infringement' atau pelanggaran haknya oleh Defendan.

Mengenai dakwaan konspirasi oleh Defendan didapati Plaintif Plaintif tidak memplid butir-butiran konspirasi terhadap Defendan. Mahkamah Rayuan dalam *Aik Ming (M) Sdn. Bhd. & Ors v Chang Ching Chuen & 3 Ors* [1995] 3 CLJ 639, telah memutuskan bahawa bagi tuduhan konspirasi mesti diplid dengan sempurna dengan butir-butir yang secukupnya. Mana mana keterangan bertujuan menunjukkan konspirasi mestilah sehaluan dengan kes yang telah diplidkan. Beban dalam pembuktian konspirasi adalah tanpa keraguan yang munasabah. Pihak yang dikatakan terlibat dalam konspirasi mestilah dinamakan bersama sebagai defendan. Plaintif juga didapati gagal membuktikan tanpa keraguan munasabah bahawa ujudnya konspirasi antara Defendan 1 dan Billy Benadict. Isu ini tidak diplid dan Billy Benadict tidak dinamakan sebagai defendan secara bersama. Dalam *SCK Bhd. & Anor.*

v Sunny Liew Siew Pang & Anor [2010] 9 CLJ 389 dalam 'held 2' Mahkamah Rayuan meletakkan 3 elemen yang mesti di buktikan dalam tort konspirasi. 3 elemen tersebut adalah: persetujuan antara 2 orang atau lebih; bagi maksud mencederakan plaintif; dan perlakuan dalam urusan melaksanakan seperti yang dipersetujui telah menyebabkan kecederaan terhadap plaintif. Tiada pembuktian bagi ketiga-tiga elemen tersebut. Ng Ah Ba@ Ng Looi Seng & 2 Ors v. Ramanda Sdn. Bhd.[1996] 1 CLJ 738 adalah berkenaan.

Mengenai dakwaan fraud oleh defendan tidak terdapat butiran pada pertuduhan fraud terhadap Defendan dan Plaintif juga gagal membuktikannya pada tahap tanpa keraguan munasabah. Chong Song v Uma Devi V Kandiah [2011] 3 CLJ 1 dirujuk.

Dengan itu berdasarkan keterangan dan rumusan imbangan kebarangkalian mahkamah mendapati Plaintif telah gagal membuktikan kesnya. Mahkamah menolak tuntutan Plaintif dengan kos yang akan ditaksirkan oleh Timbalan Pendaftar mahkamah.

15 OGOS, 2011

.....

SITI KHADIJAH SHEIKH HASSAN BADJENID

MAHKAMAH TINGGI KUALA LUMPUR

Peguam bagi pihak Plaintif: Encik Cedric Miranda

Peguambela dan Peguamcara: Tetuan Cedric Miranda & Co.

Peguam bagi pihak Defendan: Encik Mohd. Fikri bin Mohamad bersama
Encik R. Jayasingam

Peguambela dan Peguamcara: Tetuan BH Lawrence & Co.